

PM ingatkan akhbar, elak kesan buruk

10/11/1984

SUBANG JAY A, Juara -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mengingatkan akhbar-akhbar tempatan supaya mengelakkan diri daripada perkara-perkara yang akan memberi kesan buruk kepada masyarakat.

Perdana Menteri berkata, akhbar-akhbar tidak seharusnya bersikap ambil mudah dan cuai dengan "memberikan sahaja apa yang digemari oleh pembaca.

Berucap di Majlis Penyampaian Hadiah Kewarlawanan Anjuran Institut Akhbar Malaysia di sini, Datuk Seri Dr Mahathir menfiskan perkara itu sebagai penyakit yang amat berbahaya

jika dibiarkan tanpa kawalan.

Beliau berkata, akhbar yang bertanggungjawab seharusnya boleh menghalusi jiwa masyarakat. "Memanglah untuk bersikap bertanggungjawab bukanlah mudah. Tetapi sebaliknya kita tidak boleh lari atau mengelakkan diri daripada kewajipan ini," tegasnya.

Perangkap

Menurutnya, semakin besar dan semakin kukuh sesebuah akhbar itu, maka sewajarnya semakin besar tanggungjawab yang dipikul. Tanggungjawab itu tidak harus diabaikan kerana ia adalah satu amanah

yang besar.

"Pengabaian kepada tanggungjawab terutama oleh akhbar-akhbar yang mempunyai pengaruh besar dalam membentuk peribadi masyarakat, mungkin akan membawa kesan yang buruk kepada kita semua," ujarnya.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata kadangkala ada akhbar, sama ada secara sedar atau tidak, telah termasuk ke dalam perangkap golongan-golongan tertentu dalam menyuarakan kepentingan golongan itu.

Katanya, kerana terlampau asyik dengan isu-isu yang disuarakan oleh golongan yang tidak mendapat sokongan kuat daripada rakyat itu, akhbar-akhbar atau ma-

jalah itu secara tidak langsung telah sedikit sebanyak diperalatkan oleh mereka.

Datuk Seri Dr Mahathir juga kcsal dengan perkembangan di kalangan akhbar-akhbar di negara ini yang memerlukan perhatian lebih terhadap soal-soal lain sedangkan peristiwa yang diliputi adalah mengenai satu perkara yang lain.

Jelasnya, jika ada mcsuarat, lawatan, pameran atau apa fua peristiwa, perkara yang diberi perhatian bukan peristiwa itu tetapi soal-soal lain yang menjadi minat akhbar.

Soalan-soalan yang dibuat ialah dalam pelbagai bentuk dan bertalutalu untuk menjadikan sesuatu perkara itu sebagai satu isu yang hangat, tambahna.

"Selepas meny soal seorang, disoal pula orang-orang lain yang diketahui mempunyai pandangan yang bertentangan -- bagi memberikan pandangan terhadap pendapat sasaran -- pertan.

"Maka dengan itu akan terjadilah satu pertentangan -- yang dipuja dan dihembus oleh akhbar sehingga panas berapi," ujarnya.

Perdana Menteri menegaskan, kesannya ialah ketegangan dan kegelisahan dalam masyarakat sehingga kerjajas ckoami, kestabilan politik manakala perpaduan tidak dipedulikan sama sekali.

Beliau juga kcsal ada pemberita daripada negara ini yang tidak segan-segan menjadi lali barut kepada akhbar-akhbar luar negeri.

Maju

Para pemberita scumpama itu, sanggup mencerca dan menghinakan negara sendiri, menchi pemimpin dan raja-raja dan menjatuhkan maruah negara sendiri.

Katanya, beliau membranikan diri membuat teguran itu walaupun maruahna boleh dirisakkan oleh akhbar kerana Malaysia belum menjadi sebuah negara yang maju dan kuat, yang kebal dan yang tidak boleh dihancurkan.

"Kita perlu berhati-hati kerana jika tidak, mungkin kita akan kekal dengan kelemahan tanpa sedikit mengecap kejayaan dan kita akan terus diprhambakan serta dihinakan," tambahna.

Datuk Seri Dr Mahathir kemudian mengesyorkan akhbar di negara ini memberikan penghargaan kepada tulisan-tulisan yang seccok dengan semangat pembangunan dan perpaduan negara walaupun tulisan itu dibuat dalam bahasa yang lain daripada bahasa kebangsaan.

Mengcnai cadangan pcnubuhan Pertubuhan Pengarang-Pengarang Akhbar baru-baru ini, beliau berkata, ia menjadi satu lagi bukti mengenai kecbbasan akhbar di negara ini.